KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI

LAPORAN TAHUNAN 2025

SHAPING MINDS, BUILDING LEADERS

PENGENALAN

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), sebuah agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi, ditubuhkan pada tahun 2008 sebagai satu "usaha untuk menyediakan dan menonjol potensi pemimpin masa hadapan yang bakal menerajui IPT awam dan swasta Malaysia" (Perkara 8, MJM 1 November 2006). Selaras dengan slogan "*Shaping Minds, Building Leaders*", AKEPT berfungsi menyediakan inisiatif pembangunan kepimpinan untuk pemimpin institusi pengajian tinggi melalui pelbagai kaedah dan pendekatan.

Sehingga kini, AKEPT terus berusaha dalam peranan aktifnya membentuk landskap pendidikan tinggi di Malaysia terutamanya dalam dua bidang utama iaitu kepimpinan akademik dan kepimpinan institusi. Kemuncaknya adalah untuk memperkukuhkan dan menyokong strategi holistik untuk transformasi pendidikan tinggi di Malaysia bagi merealisasikan aspirasi Rancangan Pendidikan Tinggi Malaysia (RPTM) 2026-2035 yang jelas menggariskan keperluan untuk membangunkan bakat kepimpinan pendidikan tinggi semasa dan masa depan.

VISI

Menjadi akademi rujukan utama dalam kepimpinan pendidikan tinggi.

MISI

Membangunkan pemimpin melalui inisiatif kepimpinan yang holistik ke arah kecemerlangan pendidikan tinggi.

PERANAN / FUNGSI AKEPT

- Menginstitusikan pengurusan bakat kepimpinan berasaskan kompetensi yang komprehensif.
- Merancang dan melaksanakan program pembangunan berdasarkan kerangka Kepimpinan AKEPT.
- Mewujudkan platform perkongsian pengetahuan dan menjadi landasan bagi pemikir dalam kepimpinan pendidikan tinggi.

PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, sepanjang tahun 2025, Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) terus komited melaksanakan peranan strategiknya dalam membangunkan kepimpinan pendidikan tinggi yang berwibawa, berintegriti dan berdaya saing. Laporan Tahunan AKEPT 2025 ini merangkumi program berimpak tinggi, inisiatif strategik serta sumbangan AKEPT dalam memperkukuh ekosistem pendidikan tinggi negara, selaras dengan aspirasi Kementerian Pendidikan Tinggi.

Pelaksanaan pelbagai program, penerbitan dan kolaborasi strategik yang berteraskan kepimpinan berasaskan nilai, pengantarabangsaan, pemerkasaan TVET serta pengukuhan tadbir urus institusi mencerminkan komitmen berterusan AKEPT dalam mendepani landskap pendidikan tinggi yang semakin dinamik dan mencabar.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi, seluruh warga AKEPT dan rakan strategik atas sokongan serta komitmen berterusan. Semoga laporan ini menjadi rujukan bermakna dalam usaha memacu kecemerlangan kepimpinan pendidikan tinggi negara, selaras dengan moto AKEPT, *"Shaping Minds, Building Leaders"*, dalam membentuk pemimpin pendidikan tinggi yang berwawasan dan berdaya tahan.

Sekian, terima kasih.

Prof. Dr. Harshita Aini Binti Haroon
Pengarah
Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)

ISI KANDUNGAN

PENGENALAN, VISI, DAN MISI AKEPT 3

PERUTUSAN PENGARAH 4

PROGRAM BERIMPAK TINGGI AKEPT 6

MESYUARAT LEMBAGA PENASIHAT AKEPT 60

LAWATAN DELEGASI ANTARABANGSA 64

INFO GRAFIK PELAKSANAAN PROGRAM TAHUN 2025 74

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN DARI TAHUN 2020 SEHINGGA TAHUN 2025 75

AKTIVITI WARGA AKEPT 77

PENERBITAN AKEPT 2025 87

AKEPT
HIGHER EDUCATION LEADERSHIP ACADEMY
AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI

PROGRAM BERIMPAK TINGGI AKEPT 2025

1.0 Sidang Kemuncak ASEAN *International Conference On Women Leadership* (ACWAL) | 20 Februari 2025 | Royal Chulan, Kuala Lumpur.

ACWAL 2025 adalah merupakan platform yang dianjurkan bagi menggalakkan sesi dialog, pembelajaran dan tindakan kolektif ke arah transformasi yang mampan serta saksama. Persidangan yang bertemakan *"Diversity, Inclusivity and Women's Resilience Leading Sustainability"*, ini memberi tumpuan kepada peranan wanita dalam kepimpinan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di rantau ini bagi mewujudkan persekitaran yang dinamik dan inklusif.

Sesi bergambar bersama Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bersama tetamu kehormat.

Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad. Persidangan yang menghimpunkan lebih 300 peserta dari negara-negara ASEAN dan antarabangsa ini dianjurkan oleh Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Universiti Teknologi Malaysia (UTM), UTM Holdings dan City University Malaysia.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi menyampaikan ucapan pembukaan semasa Majlis Perasmian ACWAL 2025 di Royale Chulan.

Objektif persidangan ini adalah untuk memperkasakan peranan wanita bukan sahaja di peringkat keluarga, tetapi juga di peringkat komuniti, institusi, negara dan merentasi pelbagai sektor industri dan ekonomi. Dalam konteks ini, pemimpin wanita dalam bidang akademik memainkan peranan penting dalam memacu inovasi serta kelestarian institusi pendidikan tinggi melalui perspektif dan kepakaran unik dari setiap individu.

Ceramah disampaikan oleh panel terkemuka Professor Mariam Al-Ali Al Madeed dari Qatar University

Di samping itu, ACWAL 2025 turut menampilkan barisan panel terkemuka dari Malaysia, Thailand, Indonesia, Timor-Leste, Kemboja dan Qatar bagi membincangkan pelbagai isu berkaitan kepimpinan wanita dalam pendidikan tinggi. Persidangan ini turut menyediakan platform kepada pemimpin wanita untuk berkongsi pengalaman serta amalan terbaik dalam kepimpinan akademik pendidikan tinggi. Persidangan ini juga meneroka strategi kepimpinan berasaskan nilai-nilai komuniti di peringkat ASEAN dan konsep Malaysia MADANI dalam usaha membina daya tahan institusi pendidikan tinggi di rantau ini.

Turut hadir pada persidangan tersebut Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud.

Sekitar sidang kemuncak ACWAL pada 20 Februari lalu di Royale Chulan, Kuala Lumpur

Antara peserta sidang kemuncak ACWAL

Sesi bergambar Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi dan peserta sidang kemuncak ACWAL daripada pelbagai negara

2.0 *Global Academic Leadership Excellence Programme* (GALEP) 1.0 | 27-28 Mei 2025 | Harau, Sumatera Barat Indonesia.

GALEP 1.0 yang diadakan di Harau, Sumatera Barat, Indonesia merupakan satu mercu tanda pelaksanaan bagi inisiatif pembangunan kepimpinan akademik di peringkat rentas sempadan. Program yang berlangsung selama dua hari ini adalah merupakan anjuran Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dengan kerjasama Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan Universitas Islam Riau (UIR), Indonesia.

Barisan panel pembentang ketika sesi perbincangan GALEP 1.0 di Harau, Sumatera Barat Indonesia, Mei lalu

Seramai 45 peserta dari Indonesia dan Malaysia merangkumi pelbagai disiplin akademik dan latar institusi telah menyertai program ini, mencerminkan semangat kesepaduan serantau dan usaha kolektif dalam memperkasakan kepimpinan pendidikan tinggi. Seminar Antarabangsa mengenai *Global Academic Leadership Excellence Programme* (GALEP) ini telah membuka ruang ke arah perbincangan bernas berkaitan pembangunan kepimpinan dalam institusi pendidikan tinggi.

Antara peserta program yang hadir semasa GALEP 1.0

Sesi dinamik berstruktur yang dikendalikan oleh fasilitator dari AKEPT dan UIAM tersebut telah direka untuk membekalkan pemimpin dan pelapis di kalangan pensyarah dengan kompetensi kepimpinan utama bagi pembangunan kesarjanaan, pemerkasaan institusi dan kecemerlangan akademik. Melalui pendekatan holistik yang menggabungkan teori, amalan dan strategi bersifat konteks sensitif, para peserta telah mendalami perbincangan dan aktiviti yang merangkumi aspek falsafah dan fungsi serta peranan universiti, tanggungjawab pemimpin akademik, strategi pengurusan institusi yang berkesan serta perancangan strategik, pembangunan penyelidikan, inovasi, penglibatan komuniti, dan penerbitan ilmiah.

PROGRAM BERIMPAK TINGGI AKEPT 2025

Sesi penyampaian cenderahati daripada UIR kepada AKEPT semasa penutup program GALEP 1.0

Program yang julung kali diadakan ini telah mendapat penghargaan dan pengiktirafan daripada Prof. Dr. rer.pol Syafrinaldi, SH, MCL, Rektor Universitas Islam Riau (UIR) yang menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas jalinkan kerjasama dengan pihak AKEPT bagi pelaksanaan latihan kepimpinan dan pembangunan kapasiti. Kesungguhan beliau dalam memupuk kecemerlangan akademik menggambarkan aspirasi bersama pelbagai institusi serantau dalam memajukan pembangunan kepimpinan.

Dalam era di mana pendidikan tinggi menjadi agen perubahan transformasi, kepimpinan akademik menuntut transformasi yang kehadapan ke arah kecekapan pentadbiran. Ia memerlukan kefahaman mendalam mengenai fungsi dan peranan profesion akademik, misi institusi, serta peranan strategik universiti dalam memacu pengetahuan, inovasi dan kemajuan masyarakat.

Pengarah AKEPT memberikan ucapan penutup semasa GALEP 1.0 melabuhkan tirai

Dalam ucapan penutup, Prof. Dr. Harshita Aini Haroon, Pengarah AKEPT, menzahirkan ucapan penghargaan kepada Universitas Islam Riau (UIR) atas komitmen teguh mereka dalam memajukan inisiatif kepimpinan akademik serta memupuk kerjasama diperingkat serantau dan antarabangsa. Beliau menekankan kepentingan dalam memperkukuh kolaborasi antara institusi pendidikan tinggi di rantau ini, selaras dengan Visi Komuniti ASEAN 2045 yang telah dilancarkan, yang meletakkan aspirasi utama bagi pembinaan rantau ASEAN yang lebih bersepadu, inovatif dan mampan.

Menjelang penghujung program dua hari tersebut, para peserta telah membawa pulang semangat baharu, pendedahan kepada peningkatan keupayaan kepimpinan serta komitmen lebih mendalam untuk memacu perubahan positif dalam institusi dan komuniti masing-masing. GALEP 1.0 bukan sekadar sebuah program kepimpinan tetapi ianya adalah merupakan platform dalam membina jaringan industri, perkongsian aspirasi dan pembentukan visi kolektif bagi kepimpinan pendidikan tinggi di ASEAN.

Antara penceramah semasa program GALEP 1.0 yang berlangsung di Harau, Sumatera Barat, Indonesia, pada 27 – 28 Mei 2025

2.1 *Global Academic Leadership Excellence Pogramme (GALEP)* 2.0 | 9 - 12 November 2025 | AKEPT, Bandar Enstek, Negeri Sembilan, ISTAC, IIUM, Kuala Lumpur.

Sesi bergambar Pengarah AKEPT (Tengah) dan Penceramah jemputan bersama peserta GALEP 2.0 di Lobi Utama AKEPT

Global Academic Leadership Excellence Programme (GALEP) 2.0 merupakan inisiatif strategik yang dirangka untuk memperkukuh kapasiti kepimpinan akademik sejajar dengan tuntutan globalisasi, kemajuan teknologi dan perubahan sosial. Program ini menekankan prinsip R*ahmatan Lil-Alamin* sebagai asas pembentukan kepimpinan akademik yang beretika dan berorientasikan kesejahteraan sejagat.

Program kerjasama AKEPT dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) ini diadakan bertujuan untuk memperkasa pemimpin akademik dalam merangka hala tuju strategik yang mampan, memupuk nilai kemanusiaan, etika dan integriti dalam kepimpinan akademik, menyokong pembentukan model kepimpinan global yang responsif terhadap perubahan teknologi dan ketidaktentuan dunia serta menggalakkan wacana antara budaya serta kolaborasi rentas negara.

Pengarah AKEPT menyampaikan cenderahati kepada penceramah jemputan yang hadir.

Program yang berlangsung selama empat hari ini merangkumi syarahan pakar, bengkel strategik, dan sesi dialog antara pemimpin pendidikan tinggi. Seramai 61 peserta daripada lebih 21 negara, termasuk Azerbaijan, Brunei Darussalam, Bangladesh, Uzbekistan, India dan Fiji, telah hadir untuk berkongsi pengalaman serta amalan terbaik dalam pengurusan institusi pendidikan tinggi masing-masing.

Dalam konteks prospek pendidikan tinggi, profesion akademik kini menuntut fleksibiliti, inovasi berterusan dan pemerkasaan nilai kemanusiaan. Program GALEP 2.0 telah melaksanakan latihan pembangunan pelan strategik mampan bagi mempertingkat ketahanan institusi, sambil menekankan kepimpinan akademik yang berfokus pada nilai, arah tuju, etika serta tanggungjawab penyebaran ilmu kepada masyarakat.

Antara peserta-peserta GALEP 2.0 dari pelbagai negara dan latar belakang

Topik mengenai kecerdasan buatan (AI) dan Revolusi Industri 5.0 turut menjadi agenda perbincangan utama, memandangkan AI dijangka menjadi pemacu utama industri dalam dekad mendatang. Adaptasi teknologi ini perlu berpusatkan manusia, dengan keseimbangan antara idealisme, realiti, ilmu dan empati, bagi memastikan pembangunan pendidikan tinggi selari dengan keperluan sosial dan etika.

Wacana antarabangsa yang terjalin sepanjang program menekankan bahawa pendidikan tinggi di seluruh dunia menghadapi cabaran yang serupa, khususnya keperluan untuk mengembalikan ilmu sebagai asas kemajuan manusia.

Perbezaan dasar, ekonomi dan budaya menuntut penyelesaian strategik yang holistik. GALEP 2.0 telah mencetuskan beberapa jalinan kerjasama awal di peringkat serantau, membuktikan program ini berperanan sebagai asas jaringan di peringkat serantau dan global untuk memperkukuh kepimpinan akademik.

Sekitar program GALEP 2.0 yang berlangsung pada 9 – 12 November 2025

Program ini telah menonjol sebagai platform strategik bagi menjana idea, peluang kerjasama dan memperkukuh pemimpin akademik global. Program ini menggabungkan elemen profesionalisme dengan kebijaksanaan ilmu serta nilai Islam sebagai asas kepimpinan. Jalinan kerjasama yang terbentuk antara peserta dari 21 negara dijangka akan diteruskan, bagi menyokong ekosistem pendidikan tinggi yang lebih inklusif, berdaya saing dan mampan.

Barisan fasilitator bersama peserta-peserta program.

GALEP 2.0 bukan sekadar sebuah program latihan, tetapi merupakan gerakan ilmu yang memperkasa pemimpin akademik melalui dialog global, pemantapan nilai dan pembangunan strategik berimpak tinggi. Program ini telah menggabungkan kepimpinan ilmuwan yang berdaya tahan serta berperanan penting dalam membentuk masa depan pendidikan tinggi yang lebih konstruktif, inklusif dan mapan.

Sekitar program GALEP 2.0 yang berlangsung pada 9-12 November 2025 bertempat di AKEPT dan ISTAC, IIUM, KL

3.0 *Refresher & Mind Setting Programme For Higher Education Institution Leaders* |31 Julai 2025| World Trade Centre, Kuala Lumpur.

Refresher & Mind Setting Programme for Higher Education Institution Leaders merupakan program anjuran AKEPT bagi mensiapsiagakan minda pemimpin Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam mendepani cabaran semasa akan datang. Program ini bertujuan untuk membincangkan cabaran dan halangan yang dihadapi oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam mendepani landskap pendidikan tinggi yang dinamik dan mencabar.

Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir memberi ucapan penutup semasa Majlis Perasmian Program Refresher & Mind Setting Programme, pada 31 Julai lalu di WTC,KL

Lebih 300 orang peserta yang terdiri daripada pengurusan tertinggi Kementerian Pendidikan Tinggi, pemimpin Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA), ahli Lembaga Pengarah Universiti Awam dan Ketua Pegawai Eksekutif anak syarikat universiti awam dari seluruh negara telah hadir ke program yang julung kali diadakan ini. Ia menjadi medan wacana strategik dalam membina daya tahan institusi serta memperkukuh kepimpinan pendidikan tinggi negara. Pengisian utama program ialah sesi perbincangan yang dibimbing oleh, dua (2) tokoh berpengalaman dalam bidang transformasi dan kepimpinan strategik iaitu YBhg. Dato' Sri Idris Jala dan Encik Li Kai-Chen.

Dato Seri Idris Jala ketika menyampaikan ceramah kepada peserta program.

Encik Li Ki-Chen ketika memberi ucapan semasa Majlis Penutupan Program Refresher & Mind Setting Programme

Program ini menekankan beberapa teras utama bagi memperkukuh hala tuju pendidikan tinggi: kelestarian kewangan, kualiti dan ranking, keboleh pasaran graduan serta enrolmen pelajar. Peserta turut menekankan penjajaran kukuh antara Lembaga Pengarah dan organisasi dalaman Universiti Awam, serta pendekatan yang disesuaikan mengikut objektif institusi.

Peserta program memberi tumpuan kepada ucapan YB Menteri Pendidikan Tinggi.

Perbincangan turut merangkumi pemantapan tadbir urus kewangan, pelan penggantian kepimpinan secara strategik. Program ini menyeru transformasi menyeluruh melalui kerjasama erat antara institusi dan KPT demi masa depan pendidikan tinggi negara.

Peserta tidak melepaskan peluang untuk berswafoto bersama YB Menteri Pendidikan Tinggi.

Majlis penutup program ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd. Kadir. Semasa ucapan penutupan program, beliau menegaskan keperluan untuk menyusun semula pemikiran, memperkukuh kepimpinan strategik dan membina kesepakatan bersama dalam membawa transformasi sektor pendidikan tinggi, sejajar dengan hala tuju Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK-13) yang dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri.

YB Menteri Pendidikan Tinggi beramah mesra dengan peserta-peserta yang hadir.

Turut hadir Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Datuk Dr. Anesee Ibrahim, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Dato' Dr. Haji Megat Sany Megat Ahmad Supian, dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) Datuk Azhan Md Amir.

Sekitar program Refresher & Mind Setting Programme yang berlangsung pada 31 Julai lalu di WTC,KL

4.0 *ASEAN HIGHER EDUCATION LEADESHIP FORUM* (ASHELF) | 4-5 November 2025 | Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC)

Timbalan Perdana Menteri (Tengah) & Menteri Pendidikan Tinggi bersama pemimpin tertinggi KPT serta tetamu kehormat semasa Majlis Perasmian program ASHELF 2025

ASEAN Higher Education Leadership Forum (ASHELF) 2025 merupakan persidangan yang menghimpunkan para pemimpin pendidikan tinggi ASEAN dalam satu platform strategik bagi memperkukuh kerjasama serantau dalam memacu kecemerlangan pendidikan tinggi. Program yang bertema *"Navigating the Future Together"* dianjurkan bersempena *Festival of Ideas* (FOI) Putrajaya 2025 dan merupakan program kolaborasi AKEPT, KPT dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Seramai lebih 500 perwakilan yang terdiri daripada pembuat dasar, ahli akademik, dan rakan industri dari sembilan negara ASEAN telah menyertai ASHELF 2025. Perbincangan forum memfokuskan kepada enam kluster utama yang membentuk masa depan pendidikan tinggi serantau, iaitu Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan dan Inovasi, Kesihatan Planet, Kecerdasan Buatan (AI), Akademia Muda dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Ucapan perasmian oleh Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir

Majlis perasmian FOI disempurnakan oleh Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia, bersama Menteri Pendidikan Tinggi, Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir. Forum ini turut menampilkan Setiausaha Agung ASEAN, H.E. Dr. Kao Kim Hourn, yang menyampaikan ucaptama bertajuk *"ASEAN Higher Education Leadership: Navigating the Future Together"*. Beliau menegaskan bahawa pendidikan tinggi merupakan pelaburan strategik ASEAN, yang menjadi asas kemakmuran bersama serta pemangkin kepada inovasi dan daya saing rantau ini.

Paparan Skrin Layar ketika YB Menteri Pendidikan Tinggi menyampaikan ucapan.

Setiausaha Agung ASEAN, H.E. Dr. Kao Kim Hourn

Dalam ucaptama tersebut, Dr. Kao turut mengetengahkan enam bidang *"rising stars"* yang bakal memperkasa pendidikan tinggi ASEAN iaitu pembelajaran adaptif dan pendidikan berasaskan nilai, ekosistem penyelidikan bertanggungjawab dan berimpak, laluan kepimpinan untuk sarjana pelapis, kepimpinan pendidikan tinggi dalam era AI, pengintegrasian kesihatan planet dan kepimpinan TVET di ASEAN.

Setiausaha Agung ASEAN, H.E. Dr. Kao Kim Hourn menyampaikan ucaptama dalam ASHELF 2025

Barisan panel forum program ASHELF 2025

Hari kedua forum diserikan dengan ucapan khas oleh Pengarah Sekretariat SEAMEO, Datuk Dr. Habibah Abdul Rahim, diikuti ucapan penutup oleh Pengarah AKEPT, Prof. Dr. Harshita Aini Haroon. Dalam sesi tersebut, beliau turut membentangkan Kenyataan Bersama dan Syor ASHELF 2025, iaitu rangka panduan bagi memperkukuh kecemerlangan pendidikan tinggi di seluruh ASEAN.

Pengarah AKEPT, Prof. Dr. Harshita Aini Binti Haroon menyampaikan ucapan penutup ASHELF

Sekitar program ASHELF 2025 di PICC, Putrajaya, 4-5 November 2025

5.0 ELEVATE - *Women in Leadership Excellence* | 27-31 Oktober 2025 | Australian Institute Of Management (AIM), Perth, Western Australia.

Program ini merupakan inisiatif pembangunan kepimpinan wanita yang berprestij anjuran Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) dengan kerjasama *Australian Institute of Management, Western Australia* (AIMWA). Program ini bertujuan memperkasakan pemimpin wanita daripada pelbagai latar belakang dengan penguasaan teknik, idea serta amalan kepimpinan berkesan, seterusnya membina keyakinan, meningkatkan daya tahan, serta menyokong perkembangan kerjaya demi kecemerlangan organisasi.

Sesi bergambar urus setia dan peserta program di AIM, Perth, Western Australia.

Program selama lima hari yang berlangsung di Perth, Australia ini disertai oleh 28 orang peserta wanita. Sepanjang program, peserta memperkukuh kemahiran, pendekatan dan kefahaman dalam kepimpinan strategik bagi melahirkan barisan pemimpin berkualiti tinggi, berdaya tahan serta berkeyakinan sebagai peneraju organisasi.

Para peserta turut didedahkan kepada pelbagai teknik, strategi dan perspektif kepimpinan oleh barisan tokoh korporat dan Ketua Pegawai Eksekutif terkemuka termasuk Maria Perez, Dr. Katy Tindall, Zoe McAlpine, Val Ee dan Karlene Bylund. Selain itu, peserta berpeluang melawat *Perth City Council* yang diterajui Ketua Pegawai Eksekutif Wanita, Michelle Reynolds, bagi mendapatkan pemahaman langsung mengenai amalan kepimpinan inklusif dan tadbir urus bandar yang efektif.

Sesi perbincangan peserta program bagi sesi pembentangan

Melalui penyertaan ini, peserta bertekad untuk mengaplikasikan ilmu, pengalaman serta amalan terbaik yang diperoleh di Perth dalam institusi masing-masing, khususnya dalam memperkukuh budaya kepimpinan berimpak tinggi di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA).

Antara 28 orang peserta yang hadir

Secara keseluruhan, program ini berfungsi sebagai platform penting dalam memperkasa wanita ke arah kepimpinan strategik dan berimpak tinggi, sekali gus menyumbang kepada kecemerlangan organisasi serta pembangunan negara. Kejayaan pelaksanaan program ELEVATE ini turut mendapat pengiktirafan apabila program ini dijadikan sebagai satu pengisian dalam Memorandum Persefahaman (MoU) dua hala di antara Kerajaan Malaysia dan Australia di bawah bidang pendidikan tinggi untuk tahun 2025.

Peserta program tidak melepaskan peluang bergambar bersama Profesor Gary Martin, Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Eksekutif AIM WA

Timbalan Pengarah AKEPT, Prof. Madya Dr. Ummu Atiyah binti Ahmad Zakuan (tengah) bergambar bersama tenaga pengajar program iaitu Dr. Katy Tindall dan Ms. Zoe McAlpine

Timbalan Pengarah AKEPT, Prof. Madya Dr. Ummu Atiyah binti Ahmad Zakuan menyampaikan ucapan semasa sesi penutup dan majlis graduasi program

6.0 *Instructional Growth and Navigation for Impactful Teaching Excellence (IGNITE) Programme* | 1 - 6 Disember 2025 | Dili Institute of Technology (DIT), Timor-Leste

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) telah dijemput oleh Dili *Institute of Technology* (DIT), Timor-Leste untuk melaksanakan program pembangunan kepimpinan instruksional bertajuk *Instructional Growth and Navigation for Impactful Teaching Excellence* (IGNITE). Program *Instructional Growth and Navigation for Impactful Teaching Excellence* (IGNITE) yang direka untuk menangani isu-isu ini dengan meningkatkan kualiti pengajaran dan kepimpinan instruksional dalam konteks pendidikan tinggi (PT). Matlamat utama program IGNITE adalah untuk memperkasa para pendidik dengan kemahiran dan pengetahuan bagi mengintegrasikan Amalan Pendidikan Berimpak Tinggi (HIEPs) serta strategi pedagogi inovatif ke dalam pengajaran mereka.

Program ini juga memberi penekanan dalam memupuk persekitaran pembelajaran transformatif di mana peserta terlibat secara mendalam dan mempersiapkan diri menghadapi cabaran dunia sebenar. Selain itu, tumpuan program terhadap kepimpinan instruksional akan melengkapkan peserta dengan keupayaan untuk menerajui reformasi pengajaran, memberi bimbingan pementoran dan memacu penambahbaikan institusi secara berterusan.

Program ini berlangsung pada 1 hingga 6 Disember 2025 ini melibatkan seramai 22 orang peserta yang terdiri daripada barisan pengurusan tertinggi, ketua-ketua jabatan serta tenaga pengajar DIT. Inisiatif ini mencerminkan komitmen jitu AKEPT dalam memperkukuh kerjasama strategik dengan institusi serantau, sekali gus mempromosikan peranan AKEPT sebagai akademi kepimpinan pendidikan tinggi yang unggul.

Penglibatan aktif peserta program semasa sesi perbincangan

Delegasi AKEPT bagi menjayakan program ini diketuai oleh YBrs. Profesor Madya Dr. Ummu Atiyah Ahmad Zakuan, Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan Kepimpinan dan Jangkauan Global (CRO), AKEPT bersama tiga pengajar pakar AKEPT iaitu YBrs. Profesor Dr. Rosna Awang Hashim, YBrs. Profesor Dr. Tengku Faekah Tengku Ariffin, dan YBrs. Profesor Madya Dr. Hasniza Nordin.

Peserta program bergambar dengan jurulatih pakar daripada Malaysia

Program IGNITE terdiri daripada enam modul berstruktur yang merangkumi pengukuhan pengajaran berimpak tinggi (HIEPs), penyelidikan prasiswazah, pembelajaran berasaskan khidmat masyarakat, inovasi digital dalam pengajaran, penambahbaikan penilaian serta amalan reflektif profesional. Program ini membolehkan peserta menilai amalan sedia ada, mengenal pasti kekuatan, jurang dan peluang penambahbaikan. Sesi akhir program iaitu *Reflecting, Planning, and Moving Forward Together* memberi fokus kepada pertumbuhan peribadi, pembinaan identiti profesional dan komitmen tindakan bagi pelaksanaan amalan pengajaran pada masa hadapan. Sesi ini memberi fokus kepada pembangunan peribadi, pengukuhan identiti profesional serta komitmen tindakan yang jelas untuk dilaksanakan selepas program.

Sesi perbincangan semasa pelaksanaan modul IGNITE

Sebagai kemuncak program, sebuah majlis graduasi telah diadakan bagi meraikan kejayaan 22 peserta bersama barisan pengurusan tertinggi DIT. Majlis tersebut telah disempurnakan dengan kehadiran tetamu kehormat iaitu Mr. Ancelmo Xavier, *Head of Curriculum Planning Department, Ministry of Higher Education, Science and Culture* (MESCC), Timor-Leste serta Ms. Isabel de Lima, *Director, National Institute of Workforce Development (INDMO)*, Timor-Leste.

Majlis Graduasi yang telah dihadiri oleh wakil MESCC dan INDMO berserta delegasi jemputan daripada Malaysia

Peserta bergambar dengan tenaga pengajar dari Malaysia semasa Majlis Graduasi

Kejayaan pelaksanaan program IGNITE di Timor-Leste telah mendapat pengiktirafan apabila Kementerian Luar Negeri Malaysia berhasrat untuk melaporkannya dalam *Senior Officials Meeting on Education* (SOM-ED) yang dijadualkan berlangsung pada tahun 2026 di Filipina.

7.0 Program KARISMA PEMIKIR MADANI

Program KARISMA merupakan aspirasi Menteri Pendidikan Tinggi dalam usaha memperkasakan kepimpinan pensyarah muda Institusi Pengajian Tinggi (IPT) selaras dengan konsep MADANI. Program yang dirangka secara bersiri ini, bertujuan untuk menyediakan platform bagi membicarakan tentang peranan golongan pensyarah muda dalam menyumbang kepada kejayaan MADANI secara lebih khusus serta mengupas dengan lebih jelas maksud kecemerlangan akademia dalam konteks MADANI. Bagi tahun 2025, sebanyak empat (4) siri telah berjaya dilaksanakan.

7.1 Program KARISMA PEMIKIR MADANI Siri 5 | 17 Mac-Jun 2025 | AKEPT, Bandar Enstek

Program KARISMA Siri 5, adalah kesinambungan daripada Program KARISMA Siri 1 hingga 4 yang dianjurkan pada tahun 2024. Program ini dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan dibantu dengan pasukan Felo Muda AKEPT yang dilantik daripada pelbagai Universiti Awam.

PROGRAM BERIMPAK TINGGI AKEPT 2025

Seramai 200 peserta terdiri daripada Pendaftar, Pengarah/Pengurus Bakat dan Pensyarah Muda daripada 20 Universiti Awam (UA) serta Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) telah menghadiri program ini.

Menteri Pendidikan Tinggi bergambar bersama peserta program Karisma Pemikir MADANI Siri 5.

Program dimulakan dengan dua sesi ceramah kepimpinan bertajuk Dinamika dan Masa Depan Pentadbir IPT dan *Upholding Ethics & Integrity in University Governance: Why You Matter* yang membincangkan cabaran serta peluang kepimpinan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), selari dengan aspirasi pendidikan tinggi dalam era Malaysia MADANI yang menekankan prinsip kemajuan dan integriti.

YB Menteri Pendidikan Tinggi ketika sesi dialog bersama pensyarah-pensyarah muda.

Kemuncak program ialah Sesi Dialog Bersama Menteri Pendidikan Tinggi yang memberi peluang kepada peserta membincangkan isu semasa serta peranan strategik dalam memperkukuh pembangunan bakat kepimpinan IPT. YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi, turut menyempurnakan Majlis Peluncuran Inisiatif Penilaian dan Pelaporan Tahap Asas Kompetensi Bakat (BeSTARI – Bench Strength Talent Assessment and Reporting Initiative). Inisiatif ini bertujuan memperkasa penilaian kompetensi kepimpinan secara piawai bagi menyokong perancangan pembangunan bakat yang sistematik dan berfokus.

Peluncuran Inisiatif Penilaian dan Pelaporan Tahap Asas Kompetensi Bakat (BeSTARI – Bench Strength Talent Assessment and Reporting Initiative) oleh Menteri Pendidikan Tinggi

Pelaksanaan BeSTARI dijangka dapat membentuk Kolam Bakat Kepimpinan IPT yang berdaya saing, berpengalaman dan kompeten, seterusnya memastikan kesinambungan kepimpinan melalui perancangan penggantian yang teratur serta peningkatan kualiti bakat kepimpinan pendidikan tinggi negara. Program diakhiri dengan Sesi Berbuka Puasa YB Menteri Pendidikan Tinggi bersama peserta yang turut dihadiri oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta dif-dif kehormat KPT, sekali gus mengeratkan hubungan dan semangat kebersamaan dalam kalangan warga KPT.

Naib Presiden & Pendaftar, Elmu University, Dato' Wan Azman Wan Omar semasa sesi perkongsian ilmu bersama peserta program KARISMA

Sesi bergambar peserta-peserta KARISMA bersama tetamu jemputan dan fasilitator program.

7.2 Program KARISMA PEMIKIR MADANI Siri 6: Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Institut Pendidikan Tinggi (IPT) | 25 hingga 28 April 2025 | AKEPT, Bandar Enstek.

AKEPT dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) dan Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) telah menganjurkan Program KARISMA Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) IPT 2025. Sebanyak 19 Universiti Awam; 6 IPTS (UNITEN, UTP, UniKL, TARUMT, MSU dan DRB-HICOM); 21 Politeknik; dan 12 Kolej Komuniti telah mengambil bahagian dalam program ini, di bawah bimbingan 15 jurulatih dan fasilitator daripada Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) JPT dan Akademi Kenegaraan.

Sesi dialog Menteri Pendidikan Tinggi bersama peserta-peserta KARISMA PEMIKIR MADANI Siri 6

Program ini telah menghimpunkan seramai 110 orang pemimpin Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dari Universiti Awam, Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik, Kolej Komuniti serta Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK) sesi akademik 2024/2025, dengan hasrat melahirkan barisan kepimpinan muda yang berintegriti, progresif dan berpaksikan nilai MADANI.

Menteri Pendidikan Tinggi dan KSU, KPT (tengah) bergambar bersama peserta program KARISMA PEMIKIR MADANI Siri 6.

PROGRAM BERIMPAK TINGGI AKEPT 2025

Program Permukiman Siswa & Latihan Kepimpinan Muda Kebangsaan (KARISMA) 2025 telah mengetengahkan pendekatan *'hands-on', 'minds-on'* dan *'hearts-on'* dengan suasana santai namun sarat dengan ilmu dan latihan berimpak tinggi. Antara objektif utama program ini adalah untuk memperkasa karakter kepimpinan dalam kalangan MPP dan Kesatuan Mahasiswa (KM), menanamkan nilai integriti, nilai murni serta daya tahan sebagai pemimpin masa hadapan, selain memperluaskan jaringan kerjasama dalam kalangan mahasiswa pelbagai latar institusi pendidikan.

Sepanjang program, peserta telah didedahkan dengan pelbagai pengisian menarik antaranya Sesi bersama Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (KPPT), Townhall bersama MPPK dan Slot Kepimpinan. Modul-modul pembangunan menyeluruh turut dilaksanakan meliputi aspek kerohanian, fizikal dan intelek.

Peserta program KARISMA PEMIKIR MADANI Siri 6 tidak melepaskan peluang berswafoto bersama Menteri Pendidikan Tinggi.

Kemuncak kepada program ini ialah Sesi Interaksi Bersama Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir yang telah memperkukuh aspirasi kepimpinan mahasiswa. Turut hadir semasa program ini, Ketua Setiausaha KPT, YBhg. Datuk Dr. Anesee Ibrahim bagi menjayakan sesi libat urus bersama para peserta.

Seorang peserta KARISMA PEMIKIR MADANI Siri 6 tidak melepaskan peluang untuk berkongsi pengalaman dengan peserta lain

Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ketika sesi libat urus bersama peserta program di AKEPT, Bandar Enstek

PROGRAM BERIMPAK TINGGI AKEPT 2025

Sesi pembentangan berkumpulan peserta-peserta

7.3 Program KARISMA Pemimpin Muda MADANI | 23 hingga 26 Mei 2025 | AKEPT, Bandar Enstek dan Dewan Za'aba, KPT.

Program KARISMA Pemimpin Muda MADANI 2025 telah dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dengan kerjasama Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) sebagai satu inisiatif strategik bagi membangunkan kepimpinan holistik dalam kalangan pensyarah muda institusi pendidikan tinggi. Program ini melibatkan seramai 120 orang pensyarah muda dari universiti awam, politeknik dan kolej komuniti, dan telah berlangsung selama empat hari tiga malam dengan pengisian yang menekankan keseimbangan pembangunan minda, nilai dan tindakan kepimpinan.

Peserta-peserta Karisma Pemimpin Muda Madani menyaksikan sesi dialog Menteri Pendidikan Tinggi bersama pensyarah dan pentadbir IPT

Kemuncak program ini ialah sesi dialog bersama Menteri Pendidikan Tinggi, YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry Abd Kadir, yang menegaskan kepentingan membudayakan pendekatan kepimpinan menyeluruh merangkumi aspek *Head* (Minda), *Heart* (Hati) dan *Hand* (Tindakan) dalam membentuk generasi akademik baharu. Sesi dialog tersebut memberi ruang kepada peserta untuk berinteraksi secara terbuka dengan YB Menteri berkaitan hala tuju pendidikan tinggi, pembangunan bakat akademik, kebebasan akademik, hubungan industri serta cabaran yang dihadapi oleh pensyarah muda dalam memperkukuh peranan institusi masing-masing.

PROGRAM BERIMPAK TINGGI AKEPT 2025

Sesi Dialog Menteri Pendidikan Tinggi bersama Pemikir KARISMA di Dewan Za'aba, KPT, 26 Mei lalu.

Dalam majlis penutupan program yang berlangsung di Dewan Za'aba, KPT, YB Menteri turut menyempurnakan peluncuran Modul KARISMA: *Aspiring Madani Leaders – The 3H Leadership Module* yang dibangunkan hasil kerjasama AKEPT dan Universiti Sains Malaysia (USM). Modul ini dirangka khusus bagi melatih pemimpin muda pendidikan tinggi agar mampu berfikir secara strategik, bertindak beretika serta menghasilkan impak yang mampan dalam organisasi. Program ini turut diperkukuh dengan aktiviti pembinaan pasukan, pembangunan kerohanian dan latihan intensif bersama Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) sebagai persediaan awal kepada peserta untuk memikul peranan kepimpinan dengan lebih berwibawa.

Peluncuran Modul KARISMA: Aspiring MADANI Leaders – The 3H Leadership Module oleh Menteri Pendidikan Tinggi.

Sebagai kesinambungan kepada kejayaan program ini, seramai 30 orang peserta telah dikenal pasti untuk mengikuti sesi *Training of Trainers* (ToT) bagi memperluas pelaksanaan modul KARISMA di institusi masing-masing. Program ini merupakan lanjutan kepada siri pembangunan kepimpinan pensyarah muda AKEPT, termasuk Program KARISMA Pemikir MADANI, ke arah melahirkan barisan pemimpin pendidikan tinggi yang strategik, berprinsip dan mampan selaras dengan aspirasi reformasi pendidikan tinggi negara.

Sekitar program KARISMA Pemimpin Muda MADANI di Dewan Za'ba, KPT pada 26 Mei 2025

Sesi bergambar Menteri Pendidikan Tinggi bersama peserta program

7.4 Program KARISMA Pemimpin Muda MADANI 2025 (Pentadbir IPT) | 12 hingga 14 Julai 2025 | AKEPT, Bandar Enstek.

AKEPT telah menganjurkan Program KARISMA Pemimpin Muda MADANI (Pentadbir Muda IPT) yang melibatkan seramai 130 peserta daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan 20 Universiti Awam (UA). Peserta program ini dipilih daripada kalangan Pentadbir Muda di IPT dan pernah menghadiri Program KARISMA Pemikir MADANI sebelum ini atau bakal pemimpin di institusi masing-masing.

Ucapan alu-aluan oleh YBrs. Prof. Madya Dr. Azmul Fahimi bin Kamaruzaman, Timbalan Pengarah Pusat Pembangunan Kepimpinan

Peserta program menyaksikan tayangan video sepanjang program berlangsung.

Program ini bertujuan untuk mempersiapkan peserta bagi menjadi pemimpin yang berkarisma dan mampu membuat keputusan yang membawa kebaikan kepada masyarakat dan negara. Peserta juga akan mengembangkan ilmu yang diperoleh ini kepada warga organisasi peserta masing-masing nanti. Modul-modul dalam program ini akan mendedahkan peserta dengan aktiviti kepimpinan, pembinaan pasukan dan pembinaan kerohanian.

Sesi dialog Menteri Pendidikan Tinggi bersama Peserta KARISMA Pemimpin Muda MADANI yang terdiri daripada Pentadbir IPT.

Melalui program ini juga, peserta berpeluang berdialog secara interaktif dengan Pemimpin Tertinggi KPT yang diterajui oleh YB Dato' Seri Diraja Dr. Zambry bin Abd Kadir, Menteri Pendidikan Tinggi. Turut hadir ke sesi ini adalah YBhg. Dato' Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar); YBhg. Datuk Profesor Dr. Azlinda Azman, Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, YBrs. Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah, Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Bakat, AKEPT dan YBrs. Prof. Madya Dr. Azmul Fahimi bin Kamaruzaman, Timbalan Pengarah, Pusat Pembangunan Kepimpinan, AKEPT.

Menteri Pendidikan Tinggi sembang santai bersama pengacara majlis sebelum memulakan sesi dialog.

Peserta program tidak melepaskan peluang untuk bertanya soalan kepada Menteri Pendidikan Tinggi secara langsung.

Penceramah program ini pula dilantik daripada kalangan pakar bidang kepimpinan seperti YB Senator Dr. Zulkifli bin Hasan, Timbalan Menteri Agama, Pejabat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan YBhg. Dato' Prof. Dr. Md Amin Md Taff, Naib Canselor, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Wakil Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) dan YBhg. Prof. Dato' Dr. Aldrin bin Abdullah, Ketua Kluster Kepimpinan, Universiti Sains Malaysia (USM) juga hadir ke program ini.

Peserta program tidak melepaskan peluang untuk berswafoto bersama Menteri Pendidikan Tinggi.

Menteri Pendidikan Tinggi bergambar bersama peserta program KARISMA Pemimpin Muda MADANI di AKEPT, Bandar Enstek, 14 Julai 2025

8.0 ASEAN *School of Youth Leadership* (YouLead) | 15 hingga 18 November 2025 | AKEPT, Bandar Enstek.

YouLead merupakan sebuah program yang menghimpunkan seramai 110 pemimpin pelajar berusia antara 20 hingga 26 tahun dari 11 buah negara ASEAN, selaras dengan temanya *"Building Future Leaders for ASEAN"*. Program ini merupakan satu inisiatif julung kali dianjurkan oleh AKEPT dengan kerjasama rakan kolaborasi iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) serta *Education Malaysia Global Services* (EMGS).

Majlis perasmian program tersebut telah disempurnakan oleh Speaker Dewan Rakyat, YB Tan Sri Dato' Dr. Johari Abdul yang turut menyampaikan ucaptamanya yang bertajuk "*Becoming Future Leaders of ASEAN*".

Barisan Panel pembentang ketika sesi Forum: Nurturing Young Leaders in Higher Education di AKEPT, November lalu.

Program yang berlangsung selama empat hari ini menekankan bahawa kepimpinan berkesan bukan sahaja terbina melalui ilmu pengetahuan, malah diperkukuh menerusi pengalaman rentas budaya dan kerjasama serantau. Selain itu, program ini turut menyediakan platform bagi memperkukuh jaringan kepimpinan serantau serta memperkasakan nilai kolaborasi dalam kalangan generasi muda.

PROGRAM BERIMPAK TINGGI AKEPT 2025

Bagi mencapai objektif tersebut, program ini direka khas untuk meningkatkan kefahaman rentas budaya melalui pelbagai aktiviti seperti pembinaan pasukan, pertukaran seni dan budaya, serta lawatan berimpak. Para peserta juga berpeluang membina jaringan strategik bersama perwakilan *Global Youth Work Conference 2025*. Malah, mereka turut menyertai sesi perkongsian kepimpinan bersama tokoh-tokoh terkemuka termasuk Menteri, Duta, Naib Canselor, serta pakar geopolitik.

Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Dato' Johari Abdul menyampaikan ucapan ketika Majlis perasmian program ASEAN School of Youth Leadership (YouLead) di Dewan Utama AKEPT

Tan Sri Dato' Johari Abdul menyampaikan sesi ucaptama yang bertajuk Becoming Future Leaders of Asean di Dewan Utama AKEPT

Para peserta dari pelbagai negara Asean tidak melepaskan peluang untuk berswafoto dengan Tan Sri Dato' Johari Abdul

Turut hadir memeriahkan program ialah Pengarah AKEPT, Prof. Dr. Harshita Aini Haroon; Ketua Pengarah Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, Dr. Mohd. Shamsuri Abdullah; serta Ketua Pegawai Eksekutif EMGS, Encik Novie Tajuddin.

Peserta program YouLeaD, di AKEPT, 15-18 November

Sekitar program YouLead di AKEPT pada 15-18 November

8.0 *Program Leadership Development Need Analysis* (LeadDNA) Kohot 1| 22 & 23 November 2025 | AKEPT, Bandar Enstek.

Program Leadership Development Need Analysis (LeadDNA) merupakan satu inisiatif pembangunan kepimpinan yang telah dijenamakan semula daripada Program Pensijilan Instrumen Berasaskan Kompetensi: Penilaian Tingkahlaku Kendiri Bersandarkan Peristiwa (CBI-BESA) yang sebelum ini dikendalikan oleh Universiti Utara Malaysia (UUM). Program CBI-BESA telah berjaya dilaksanakan sebanyak tiga (3) kohort sebelum melalui proses penambahbaikan dan penjenamaan semula.

Para peserta khusyuk mendengar sesi ceramah yang disampaikan penceramah jemputan

Penjenamaan semula kepada LeadDNA dilaksanakan hasil kerjasama strategik antara AKEPT dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi memperkukuh kandungan program serta meningkatkan impaknya dalam pembangunan kepimpinan sektor pendidikan tinggi. Melalui pelaksanaan program CBI-BESA sebelum ini, seramai 77 orang alumni telah berjaya dihasilkan.

Bagi melayakkan diri menyertai program LeadDNA, peserta diwajibkan menghadiri dan menamatkan Program *Talent Management for Excellence* (TaME) sebagai prasyarat penyertaan. Program LeadDNA ini merangkumi tujuh (7) modul yang dilaksanakan secara berperingkat bagi memastikan penguasaan pengetahuan dan kemahiran peserta secara menyeluruh.

Timbalan Pengarah, Pusat Pengurusan Bakat (CeTM), Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah Bin Abdullah ketika sesi perkongsian bersama peserta

Pada tahun 2025, seramai 26 orang peserta telah mengambil bahagian dalam program ini. Peserta yang berjaya menamatkan kesemua modul serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan akan dianugerahkan Sijil Lepasan Ijazah dalam Analisis Keperluan Pembangunan Kepimpinan.

Peserta-peserta menyiapkan tugasan berkumpulan untuk sesi pembentangan

PROGRAM BERIMPAK TINGGI AKEPT 2025

Objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk melahirkan penilai-penilai bertauliah yang berkeupayaan membantu institusi melaksanakan penilaian bakat kepimpinan secara kendiri. Pendekatan ini membolehkan institusi merancang dan melaksanakan pembangunan kepimpinan mengikut keperluan organisasi masing-masing secara berfasa dan sistematik.

Peserta program LeadDNA tidak melepaskan peluang untuk bertanya soalan ketika sesi soal jawab

Sesi bergambar peserta-peserta LeadDNA di Lobi Utama AKEPT pada 22 & 23 November

9.0 Program *Talent Management For Excellence* (Tame) Kohot Ke-6 | 6-7 Disember 2025 | AKEPT, Bandar Enstek.

Siri Kecemerlangan Pengurusan Bakat atau lebih dikenali sebagai *Talent Management for Excellence Series* (TaME) ialah sebuah program bitara AKEPT di bawah inisiatif Pusat Pengurusan Bakat dengan kerjasama Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) & UMPSA *Advanced* yang telah dilaksanakan sejak tahun 2018. Program ini khusus dibangunkan bagi membantu penginstitusian pendekatan pengurusan bakat berasaskan kompetensi *Competency-based Talent Management (*CBTM*)* dalam mendokong usaha Kementerian memperkasakan kepimpinan dan bakat Universiti Awam.

Penceramah jemputan menyampaikan taklimat mengenai program kepada para peserta.

Inisiatif seperti ini adalah sangat bertepatan dalam membantu Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) merealisasikan perancangan untuk Kecemerlangan Bakat di bawah Lonjakan 2, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi).

Program ini merupakan inisiatif *upskilling* dan *reskilling* pegawai universiti dalam mendepani cabaran dalam pengurusan bakat. Adalah menjadi satu keperluan kepada semua rakan kolaborasi AKEPT untuk mendalami konsep dan metodologi pengurusan bakat berasaskan kompetensi dalam merancang dan melaksanakan inisiatif pembangunan kakitangan secara berstruktur, seterusnya membentuk budaya kerja yang lebih berdaya saing di organisasi masing-masing.

Seorang peserta program TaME tidak melepaskan peluang untuk bertanya soalan kepada penceramah jemputan.

Sebagai nilai tambah kepada penyertaan program TaME ini, peserta-peserta yang menepati syarat-syarat penilaian dan jam kredit/jam pertemuan (11 modul, selama lebih kurang 9 bulan) yang ditetapkan akan menerima pentauliahan oleh UMPSA *Advanced* di bawah inisiatif pembelajaran sepanjang hayat dengan pensijilan *Professional Diploma in Competency Based Talent Management*.

Program ini telah memasuki kohort ke-6 dengan penglibatan seramai 56 orang peserta. Sehingga tamat pelaksanaan lima (5) kohort terdahulu, program ini telah berjaya melahirkan seramai 170 orang alumni.

Perbincangan berkumpulan oleh peserta-peserta sebelum sesi pembentangan dilakukan

Barisan peserta program TaME ketika sesi pembentangan di AKEPT

Dengan mengekalkan prestasi penganjuran yang cemerlang, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) pada tahun ini telah menjalinkan kolaborasi strategik bersama *Malaysian Institute of Management* (MIM) bagi menawarkan program *Professional Diploma in Competency Based Talent Management*.

Program ini menawarkan sepuluh (10) modul utama yang dilaksanakan melalui pendekatan pembelajaran bersepadu merangkumi pembelajaran kendiri, sesi bersemuka dan pembelajaran dalam talian.

Objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk menyediakan kelompok pengurus bakat yang terlatih dan bersedia menjadi agen perubahan bagi membantu penginstitusian pendekatan pengurusan bakat berasaskan kompetensi secara sistematik dalam organisasi masing-masing.

Peserta-peserta program TaME Kohot ke-6 di AKEPT, 6-7 Disember

10.0 *Leadership Café (LC) & Nurturing Leadership and Xenodochial Network* (NeXt) | 16 April 2025 | AKEPT, Bandar Enstek.

Leadership Café merupakan satu platform interaktif yang dianjurkan oleh AKEPT bagi menyediakan ruang perbincangan dan refleksi kepimpinan kepada pemimpin serta bakal pemimpin dalam sektor pendidikan tinggi. Program ini direka bentuk sebagai medium perkongsian pandangan, pengalaman dan amalan terbaik kepimpinan dalam suasana yang terbuka dan tidak formal, bertujuan menggalakkan pemikiran kritikal serta pembelajaran berasaskan pengalaman.

Sekitar program Leadership Cafe' yang berlangsung di AKEPT, Bandar Enstek, pada 16 April

Melalui pendekatan dialog dua hala, *Leadership Café* menyokong pembangunan kepimpinan berterusan dengan memberi fokus kepada kesedaran kendiri, pembinaan nilai kepimpinan dan pengukuhan keupayaan individu dalam menghadapi cabaran kepimpinan organisasi.

Program ini dianjurkan bertujuan untuk memberi pendedahan dan khidmat nasihat kepada individu yang telah mengikuti Program Penilaian Kompetensi Kepimpinan Pendidikan Tinggi. Setiap individu yang hadir ke program ini akan dibekalkan dengan satu laporan profil kepimpinan untuk rujukan bagi pembangunan kerjaya individu.

Program penilaian ini menilai individu yang berpotensi tinggi dan dikenal pasti oleh institusi untuk berada di dalam pelan penggantian institusi. Individu-individu ini akan membantu memastikan jawatan-jawatan strategik institusi tidak ketandusan bakat-bakat yang cemerlang untuk mengisi jawatan tersebut.

Timbalan Pengarah AKEPT, Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah Abdullah ketika memberi penerangan kepada peserta program.

Peserta-peserta yang hadir ke program ini diberi penerangan yang lebih terperinci berkenaan laporan profil individu oleh Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Bakat, Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah Bin Abdullah.

AKEPT turut menjemput figura penting untuk sesi perkongsian pengalaman kepimpinan. YBhg. Dato' Dr. Ramlan Abd. Aziz telah berkongsi pengalaman beliau semasa menerajui Majlis Sukan Negara (MSN), Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS) dan juga sebagai *Chef de Mission* pasukan Malaysia ke Sukan Asia.

YBhg. Dato' Dr. Ramlan Abd. Aziz ketika sesi perkongsian bersama peserta

YBhg. Dato' Dr. Ramlan Abd. Aziz (Tengah) bergambar bersama Timbalan Pengarah AKEPT, Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah Abdullah dan urus setia program

Peserta-peserta program Leadership Café yang dilaksanakan pada 16 April 2025

AKEPT
HIGHER EDUCATION LEADERSHIP ACADEMY
AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI

MESYUARAT LEMBAGA PENASIHAT AKEPT

Mesyuarat Lembaga Penasihat (LPA) AKEPT| 10 Oktober 2025 | AKEPT, Bandar Enstek

Mesyuarat Lembaga Penasihat AKEPT Bil.1/2025 telah diadakan pada 10 Oktober 2025 (Jumaat), di Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) yang dihadiri oleh ahli mesyuarat secara bersemuka dan dalam talian. Ahli Lembaga Penasihat AKEPT terdiri daripada:

1. **Professor Tan Sri Dato' Wira Dr. Mohd Shukri Ab Yajid**
   Presiden & Pengasas Management & Science University (MSU)
   Pengerusi

2. **Datuk Dr. Anesee bin Ibrahim**
   Ketua Setiausaha, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)
   Ahli Ex-Officio

3. **Datuk Profesor Dr. Azlinda Azman**
   Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT)
   Ahli EX-Officio

4. **Datuk Dr. Ts Mohd Nor Azman Hassan**
   Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)
   Ahli EX-Officio

5. **Profesor Dr. Harshita Aini binti Haroon**
   Pengarah, Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT)
   Ahli EX-Officio

6. **Prof. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Azlan Ghazali**
   Pengarah, Institut Pembangunan dan Kemajuan Inklusif Malaysia (MINDA-UKM)
   Ahli Lembaga Penasihat AKEPT

7. **Tan Sri Dato' Sri Haji Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir Jamalullail**
   Pengerusi Eksekutif, Dagang NeXchange Berhad
   Ahli Lembaga Penasihat AKEPT

8. **Tan Sri Prof. Dato' Dr. Nordin Bin Kardi**
   Ketua Pegawai Eksekutif, Jakarta Business School
   Ahli Lembaga Penasihat AKEPT

Mesyuarat Lembaga Penasihat (LPA) AKEPT| 10 Oktober 2025 | AKEPT, Bandar Enstek.

9. **Tan Sri Zarinah Anwar**
   Pengerusi, Institute of Corporate Directors Malaysia (ICDM)
   Ahli Lembaga Penasihat AKEPT

10. **Datuk Parmjit Singh**
    Ketua Pegawai Eksekutif, APIIT Education Group
    Ahli Lembaga Penasihat AKEPT

11. **Dato' Sri Idris Jala**
    Presiden & Pengerusi, PEMANDU Associates
    Ahli Lembaga Penasihat AKEPT

12. **Dato' Seri Dr Hamzah Kassim**
    Pengerusi Eksekutif, TFX Islamic Sdn Bhd
    Ahli Lembaga Penasihat AKEPT

13. **Dato' Hazimah Zainuddin**
    Pengarah Urusan Kumpulan & Pengasas, Hyrax Oil Sdn Bhd
    Ahli Lembaga Penasihat AKEPT

14. **Encik Hermawan Kartajaya**
    Pengasas dan Pengerusi, MarkPlus Corp
    Ahli Lembaga Penasihat AKEPT

15. **Encik Rajeev Peshawaria**
    Ketua Pegawai Eksekutif, Stewardship Asia Centre Singapore
    Ahli Lembaga Penasihat AKEPT

Kedatangan KSU, KPT disambut oleh Pengurusan Tertinggi AKEPT

Mesyuarat LPA berlangsung di Bilik Mesyuarat Aras 6 secara bersemuka dan dalam talian bersama ahli yang lain, di Bandar Enstek, AKEPT pada 10 Oktober

Pengerusi LPA Professor Tan Sri Dato' Wira Dr. Mohd Shukri Ab Yajid bergambar bersama Ahli LPA dan Pengurusan Tertinggi AKEPT yang hadir

AKEPT HIGHER EDUCATION LEADERSHIP ACADEMY

AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI

LAWATAN DELEGASI ANTARABANGSA

1.0 Sesi Kunjungan Hormat Universitas Islam Riau (UIR)| 13 Jun 2025 | AKEPT, Bandar Enstek.

AKEPT berbesar hati menerima kunjungan delegasi daripada Universitas Islam Riau (UIR) yang diketuai oleh YBrs. Prof.Dr.Rer.Pol.Syafrinaldi. SH.MCL, Rektor UIR. Turut hadir bersama adalah pegawai-pegawai kanan UIR iaitu Prof. Madya Dr.Fikri,S.Psi. (Dekan Fakulti Psikologi), Prof. Madya Dr. Hery Setiawan.M.Kom. (Ketua Perhubungan Awam), Dr. Zukkifli Toghun.SH.MH (Ketua HAKI), Dr.Davrizal.M.Kom. (Ketua Penerbitan UIR), Didik Widiantoro.M.Psi.Psikologi. (Ketua Jabatan Psikologi), Prof. Madya Dr. Syafriadi, S.H., M.H. (Pensyarah, Fakulti Undang-Undang) dan Wira Atma Hajri, S.H., M.H. (Ketua Biro Etika dan Undang-Undang).

Kumpulan media Indonesia juga turut serta sebagai delegasi UIR. Sesi lawatan ini juga turut disertai oleh wakil daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Sesi kunjungan ini dapat mengukuh jalinan kerjasama antara AKEPT dan UIR dalam usaha memperkasa kepimpinan pendidikan tinggi serantau. Sesi ini juga memberi ruang kepada pihak UIR untuk meninjau persekitaran dan fasiliti latihan yang disediakan oleh AKEPT sebelum kembali ke Indonesia.

Susulan daripada sesi kunjungan ini, AKEPT berharap agar jalinan kerjasama strategik bersama UIR akan terus diperkukuhkan bagi memantapkan pembangunan kompetensi kepimpinan pendidikan tinggi dan menjadi pemangkin kepada kecemerlangan, ketahanan dan kemakmuran rantau ini.

Pengarah AKEPT (Kiri) menyampaikan cenderahati kepada Prof. Dr.Rer.Pol.Syafrinaldi.SH.MCL, Rektor UIR.

LAWATAN DELEGASI ANTARABANGSA

Prof. Harshita Aini binti Haroon, Pengarah AKEPT menyampaikan ucapan sempena kedatangan lawatan Delegasi daripada UIR.

Rektor UIR tidak melepaskan peluang untuk berucap sempena lawatan ke AKEPT.

Sesi bergambar bersama Delegasi daripada UIR di AKEPT, 13 Jun

2.0 Sesi Kunjungan Hormat Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU)| 25 Ogos 2025 | AKEPT, Bandar Enstek.

AKEPT berbesar hati menerima kunjungan hormat daripada UMSU yang diketuai oleh Pengarah Hal Ehwal Akademik, Prof. Dr. Muhamad Arifin, S.H., M.HUM, bersama delegasi seramai 31 orang. Delegasi tersebut terdiri daripada wakil Pejabat Antarabangsa, Bahagian Perkongsian dan Kerjasama Global, Setiausaha Pejabat Hal Ehwal dan Kerjasama Antarabangsa serta ahli daripada program Pendidikan dan Pengurusan.

Sesi penyerahan cenderahati sebagai tanda kenangan kepada Pengarah Hal Ehwal Akademik, Prof. Dr. Muhamad Arifin, S.H., M.HUM daripada UMSU.

Lawatan ini menyediakan platform bermakna bagi memupuk persefahaman bersama serta memperkukuh kerjasama antara AKEPT dan UMSU. Ia juga memberi peluang kepada AKEPT untuk mengetengahkan peranan dan sumbangannya dalam memajukan pembangunan kepimpinan di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT).

Pihak UMSU turut menyampaikan cenderahati kepada Pengarah AKEPT pada 25 Ogos lalu.

Sesi penglibatan dimulakan dengan ucapan alu-aluan dan pengenalan mengenai AKEPT oleh Pengarah AKEPT, Prof. Dr. Harshita Aini binti Haroon, yang menekankan misi, visi dan hala tuju strategik Akademi dalam melahirkan pemimpin pendidikan tinggi yang bersedia menghadapi masa hadapan. Seterusnya, satu sesi berkaitan Pengurusan Bakat telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Bakat (CeTM), Assoc. Prof. Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah, yang menegaskan kepentingan pendekatan sistematik dalam mengenal pasti, membangunkan dan mengekalkan bakat kepimpinan dalam ekosistem pendidikan tinggi.

Sesi terakhir telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah Pusat Penyelidikan Kepimpinan dan Jangkauan Global (CRO), Assoc. Prof. Dr. Ummu Atiyah binti Ahmad Zakuan, yang menghuraikan peranan AKEPT di luar Malaysia, khususnya di peringkat serantau, dalam membangunkan pemimpin di IPT. Beliau turut berkongsi mengenai program antarabangsa AKEPT berkaitan pembinaan kapasiti kepimpinan serta persidangan, di samping menghulurkan jemputan kerjasama bagi membina sebuah rantau yang mampan dan berdaya tahan secara kolektif.

Perkongsian ilmu dan pandangan sepanjang lawatan ini amat bermakna, memperkayakan perspektif serta membuka ruang ke arah kerjasama institusi yang lebih kukuh pada masa hadapan. AKEPT merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Dr. Muhamad Arifin, S.H., M.HUM serta delegasi beliau atas masa, komitmen dan sumbangan berharga sepanjang lawatan ini. Dengan kerjasama berterusan, AKEPT berharap dapat membina jaringan perkongsian yang lebih luas serta mencipta pencapaian berimpak tinggi bagi pendidikan tinggi di peringkat serantau.

Tetamu daripada UMSU khusyuk mendengar perkongsian ilmu daripada Prof. Madya Dr. Ummu Atiyah binti Ahmad Zakuan, Timbalan Pengarah AKEPT

Sesi bergambar bersama delegasi daripada UMSU, di AKEPT, Bandar Enstek, 25 Ogos lalu.

3.0 Lawatan Delegasi Ministry Of Public Administration (MoPA), | 9 September 2025 | AKEPT, Bandar Enstek.

AKEPT telah menerima lawatan delegasi *Ministry of Public Administration* (MoPA), Bangladesh pada 19 Ogos 2025 (Kumpulan 1, 40 peserta) dan 9 September 2025 (Kumpulan 2, 35 peserta). Lawatan ini merupakan sebahagian daripada program latihan anjuran UTMSPACE bagi pegawai kanan perkhidmatan awam Bangladesh, selaras dengan keperluan modul latihan yang ditetapkan.

Tetamu kehormat daripada MoPA, Bangladesh dibawa melawat fasiliti AKEPT, di Bandar Enstek pada 9 September 2025

Delegasi telah mengikuti sesi latihan kepimpinan dalam konteks pendidikan tinggi yang disampaikan oleh Prof. Dr. Harshita Aini binti Haroon serta Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah bin Abdullah. Selain itu, para peserta turut diberi pendedahan mengenai fungsi dan operasi AKEPT di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi, di samping meninjau kemudahan serta persekitaran AKEPT sebagai pusat pembangunan kepimpinan pendidikan tinggi.

Sesi perkongsian ilmu dan kepakaran oleh Prof. Madya Dr. Norazharuddin Shah Bin Abdullah, Timbalan Pengarah AKEPT

Prof. Harshita Aini Binti Haroon menyampaikan cenderamata kepada wakil MoPA, Bangladesh

Sesi bergambar bersama tetamu kehormat MoPA di Bandar Enstek, 9 September 2025

4.0 Lawatan Delegasi Nigeria | 21 Oktober 2025 | AKEPT, Bandar Enstek.

Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT) telah menerima lawatan daripada delegasi Nigeria yang terdiri daripada 28 orang peserta mewakili pelbagai institusi pendidikan tinggi.

Delegasi daripada Nigeria ketika melawat fasiliti AKEPT pada 21 Oktober

Sesi penerangan mengenai penubuhan, peranan, dan fungsi AKEPT telah disampaikan oleh Pengarah AKEPT, Prof. Dr. Harshita Aini Haroon. Dalam sesi tersebut, beliau turut menjelaskan mengenai kerangka kepimpinan AKEPT, pemprofilan kepimpinan, serta pelbagai program latihan yang ditawarkan oleh akademi ini. Delegasi turut berkongsi pandangan dan minat terhadap amalan terbaik *(best practices)* yang dilaksanakan oleh AKEPT dalam memperkukuh kepimpinan akademik. Lawatan ke AKEPT ini merupakan sebahagian daripada program latihan anjuran Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), yang bertujuan memperkukuh jaringan kerjasama antarabangsa dalam bidang pendidikan tinggi.

Sesi penyerahan Cenderamata kenang-kenangan daripada AKEPT kepada pihak USIM.

Semoga lawatan ini membuka ruang kepada peluang kolaborasi dan perkongsian ilmu antara Malaysia dan Nigeria dalam usaha memperkasa kepimpinan serta kecemerlangan pendidikan tinggi di peringkat global.

Seorang wakil delegasi tidak melepaskan peluang untuk bertanya soalan kepada urus setia AKEPT.

Sesi bergambar lawatan delegasi daripada Nigeria di Lobi Utama, AKEPT, pada 21 Oktober lalu.

INFOGRAFIK PELAKSANAAN PROGRAM TAHUN 2025



Rajah 1.0: Jumlah pelaksanaan program tahun 2025 mengikut pembahagian pusat

Sepanjang tempoh Januari hingga Disember 2025, AKEPT telah melaksanakan sebanyak 78 program secara keseluruhan dengan penglibatan seramai 5,127 orang peserta. Pelaksanaan program ini melibatkan tiga pusat utama, iaitu Pusat Pembangunan Bakat (CeTM) yang telah melaksanakan 20 program dengan penyertaan 694 peserta, Pusat Pembangunan Kepimpinan (CLD) sebanyak 41 program melibatkan 3,047 peserta, serta Pusat Penyelidikan Kepimpinan dan Jangkauan Global (CRO) yang melaksanakan 17 program dengan penyertaan 1,386 peserta.

AKEPT HIGHER EDUCATION LEADERSHIP ACADEMY
AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN DARI TAHUN 2020 SEHINGGA 2025

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN DARI TAHUN 2020 SEHINGGA TAHUN 2025

TAHUN	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERBELANJAAN (%)	BAKI (RM)
2020	9,404,190.97	9,404,190.97	100.00%	-
2021	8,596,480.00	8,422,331.60	97.97%	174,148.40
2022	8,854,106.80	8,762,042.21	98.96%	92,064.59
2023	8,606,565.26	8,606,565.26	100.00%	-
2024	13,491,497.19	13,491,497.19	100.00%	-
2025	12,553,156.22	12,590,477.82	100.30%	-37,321.60

Secara keseluruhan, pengurusan peruntukan dan perbelanjaan bagi tempoh tahun 2020 hingga 2025 menunjukkan tahap kecekapan yang tinggi dengan kadar penggunaan peruntukan yang hampir sepenuhnya setiap tahun.

Pada tahun 2020, jumlah peruntukan sebanyak RM9,404,190.97 telah dibelanjakan sepenuhnya dengan kadar perbelanjaan 100%, tanpa sebarang baki. Keadaan ini mencerminkan perancangan kewangan yang teratur dan penggunaan sumber yang optimum.

Bagi tahun 2021, peruntukan berjumlah RM8,596,480.00 dengan perbelanjaan sebanyak RM8,422,331.60, iaitu 97.97% daripada jumlah peruntukan. Terdapat baki peruntukan sebanyak RM174,148.40 yang tidak dibelanjakan.

Pada tahun 2022 pula, peruntukan sebanyak RM8,854,106.80 telah dibelanjakan sebanyak RM8,762,042.21, bersamaan 98.96%. Baki peruntukan yang direkodkan adalah sebanyak RM92,064.59, menunjukkan perbelanjaan yang hampir menyeluruh.

Tahun 2023 mencatatkan perbelanjaan penuh apabila keseluruhan peruntukan berjumlah RM8,606,565.26 telah digunakan sepenuhnya, dengan kadar perbelanjaan 100% dan tanpa baki.

Peningkatan ketara dapat dilihat pada tahun 2024 apabila jumlah peruntukan meningkat kepada RM13,491,497.19 dan keseluruhan peruntukan tersebut telah dibelanjakan sepenuhnya. Hal ini menunjukkan keperluan kewangan yang lebih tinggi selaras dengan pelaksanaan aktiviti atau program yang dirancang.

Bagi tahun 2025, peruntukan sebanyak RM12,553,156.22 telah mencatatkan perbelanjaan berjumlah RM12,590,477.82, iaitu 100.30%. Ini menunjukkan perbelanjaan melebihi peruntukan sebanyak RM37,321.60, yang memerlukan perhatian serta penjelasan lanjut dari segi pelarasan kewangan.

Secara keseluruhannya, rekod peruntukan dan perbelanjaan bagi tempoh ini memperlihatkan pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan, dengan tahap penggunaan peruntukan yang sangat tinggi setiap tahun.

AKEPT
HIGHER EDUCATION LEADERSHIP ACADEMY
AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI

AKTIVITI WARGA

1.0 Program Santai Hi-Tea Bersama Pengurusan Tertinggi Akept | 10 Januari 2025 | AKEPT, Bandar Enstek.

Program Santai Hi-Tea bersama Pengurusan Tertinggi AKEPT telah julung kali diadakan pada 10 Januari 2025 sempena menyambut kedatangan tahun baharu 2025. Program yang dianjurkan oleh Kelab AKEPT ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat kebersamaan antara pengurusan tertinggi dan seluruh warga kerja AKEPT.

Selain itu, program ini turut diserikan dengan majlis penyampaian hadiah bagi pertandingan kesihatan *"New Year New Me (Transform Your Body, Unleash Your Power)"*. Pertandingan ini merupakan salah satu inisiatif Kelab AKEPT bagi menggalakkan gaya hidup sihat dalam kalangan kakitangan melalui pengurusan berat badan yang berkesan. Seramai 30 orang kakitangan telah menyertai program ini dan para peserta diberikan tempoh selama tiga bulan untuk mencapai sasaran penurunan berat badan, bermula 1 Oktober 2024 hingga 9 Januari 2025.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini bukan sahaja berjaya mengukuhkan hubungan antara pengurusan dan kakitangan, malah turut menyemai kesedaran tentang kepentingan amalan gaya hidup sihat. Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang sebagai usaha berterusan dalam mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni, sihat dan sejahtera.

Pengarah AKEPT, Prof. Dr. Harshita Aini memberikan amanat tahun baharu ketika Program Santai Hi-Tea.

Sekitar Program Santai Hi-Tea bersama pengurusan tertinggi AKEPT di Lobi AKEPT pada 10 Januari 2025.

Pengarah AKEPT menyerahkan cenderahati kepada peserta Program 'New Year New Me (Transform Your Body, Unlesh Your Power)'.

2.0 Program Mantai Puasa Sempena Sambutan Ramadan 2025 | 29 Februari 2025| AKEPT, Bandar Enstek.

Program Mantai merupakan aktiviti tahunan di bawah Kelab AKEPT bagi memeriahkan sambutan menyambut kedatangan bulan Ramadan. Pelaksanaan program ini melibatkan semua kakitangan AKEPT bergotong-royong bagi menyiapkan hidangan dan juadah untuk dimakan.

Kakitangan AKEPT bergambar selepas selesai bergotong-royong.

Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada warga AKEPT apabila ramai kakitangan hadir dan bersama-sama berganding bahu menyiapkan juadah yang disediakan.

Penganjuran program yang diadakan secara tahunan sebelum Ramadan ini merupakan inisiatif Kelab Kebajikan AKEPT. Antara menu yang disediakan termasuk lemang, ketupat, rendang serta sayur masak lemak untuk dinikmati bersama oleh semua warga AKEPT.

Secara keseluruhannya, penganjuran program ini telah berjaya memupuk semangat kerjasama, mengeratkan silaturahim serta menyemai nilai kebersamaan dalam kalangan warga AKEPT dalam menyambut keberkatan bulan Ramadan.

Sesi penyediaan juadah lemang.

Pengarah AKEPT, mengedarkan juadah lemang dan rendang untuk kakitangan.

Kakitangan AKEPT bertungkus-lumus melakukan persiapan untuk memasak juadah.

Beberapa orang kakitangan AKEPT menyiapkan kayu api untuk membakar lemang.

3.0 Program Tadarus Al- Quran Ramadan 2025 | 21 Mac 2025 | AKEPT, Bandar Enstek

Program Tadarus Al-Quran Ramadan merupakan program tahunan anjuran Jawatankuasa Surau AKEPT yang diadakan pada setiap bulan Ramadan. Program ini telah berlangsung dari 3 hingga 20 Mac 2025 dengan penyertaan seramai 27 orang kakitangan AKEPT. Penganjuran program ini bertujuan untuk memupuk amalan membaca dan menghayati Al-Quran dalam kalangan kakitangan di samping mengeratkan hubungan ukhwah serta semangat persaudaraan sesama warga kerja AKEPT.

Secara keseluruhannya, Program Tadarus Al-Quran Ramadan ini telah memberi impak positif dalam menyemarakkan pengisian rohani sepanjang bulan yang mulia ini. Diharapkan program seumpama ini dapat diteruskan dan diperkasakan pada masa akan datang sebagai usaha berterusan dalam membentuk persekitaran kerja yang harmoni, berteraskan nilai-nilai murni dan keinsanan.

Pengarah AKEPT bergambar bersama barisan kakitangan AKEPT selepas Majlis Tadarus Al-Quran di Surau AKEPT di 21 Mac lalu.

Pengarah AKEPT menyampaikan cenderahati kepada kakitangan AKEPT.

Barisan Ahli Jawatankuasa Surau AKEPT.

Sesi Tadarus sedang berlangsung di Surau AKEPT.

Sesi tadarus al-Quran oleh warga AKEPT.

4.0 Rumah Terbuka Syawal AKEPT | 25 April 2025 | AKEPT, Bandar Enstek

Rumah Terbuka Syawal AKEPT merupakan inisiatif yang dicetuskan oleh Prof. Dr. Harshita Aini sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri melalui penganjuran Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri AKEPT yang bertempat di Dewan Utama, AKEPT.

Bertemakan "Warna-Warni Aidilfitri", sambutan perayaan pada tahun ini diadakan dengan penuh kemeriahan dan keistimewaan, termasuk kehadiran tetamu jemputan serta wakil daripada institusi-institusi berdekatan.

Sesi bergambar Pengarah AKEPT bersama tetamu jemputan YBhg. Dato' Profesor Dr. Mohammad Shatar bin Sabran, Ketua Pegawai Eksekutif, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Suasana meriah sambutan Hari Raya Aidil Fitri di Dewan Utama AKEPT pada Mei 2025

Warga AKEPT tidak melepaskan peluang untuk memotretkan gambar sebagai kenangan.

Kakitangan AKEPT tersenyum girang ketika sesi fotografi

5.0 Majlis Makan Malam AKEPT | 29 November 2025 | AKEPT, Bandar Enstek

Majlis Makan Malam AKEPT anjuran Pejabat Pendaftar telah diadakan di Hotel Holiday Inn, Sepang, dengan tujuan mengeratkan hubungan silaturahim antara setiap Pusat dan seluruh kakitangan AKEPT. Bertemakan *"White and Denim"*, majlis ini berlangsung dengan meriah dan mendapat sambutan hangat daripada warga AKEPT.

Acara turut diserikan dengan persembahan nyanyian karaoke oleh kakitangan yang berminat, menambah keceriaan serta suasana santai pada majlis tersebut. Penganjuran kali ini berjaya memupuk semangat kerjasama, keharmonian, dan interaksi positif di kalangan kakitangan AKEPT. Acara Cabutan Bertuah juga turut menjadi tarikan dengan pelbagai hadiah menarik untuk dibawa pulang oleh kakitangan.

Majlis makan malam ini menjadi saksi bahawa semangat kekitaan, kerjasama, dan keterlibatan aktif kakitangan AKEPT terus dipupuk, selaras dengan usaha organisasi dalam membina budaya kerja yang harmoni, produktif, dan berdaya saing.

Warga AKEPT tidak melepaskan peluang untuk merakamkan kenangan bersama.

Staff AKEPT tidak melepaskan peluang bergambar dengan prop yang disediakan

AKEPT
HIGHER EDUCATION LEADERSHIP ACADEMY
AKADEMI KEPIMPINAN PENDIDIKAN TINGGI

PENERBITAN 2025

Guidebook for Internationalisation Practitioners in Higher Education



Penulis:
Mohd Ariffin bin Abu Hassan

Pelaporan:
Penerbitan *Guidebook for Internationalisation Practitioners in Higher Education* menyediakan panduan strategik dan holistik kepada pengamal pengantarabangsaan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT), merangkumi pentadbir, kakitangan pejabat antarabangsa, ahli akademik, pembuat dasar dan perunding pendidikan. Buku ini menekankan kepentingan pendekatan menyeluruh dalam merangka dan melaksanakan agenda pengantarabangsaan institusi bagi meningkatkan daya saing serta reputasi global IPT.

Kupasan buku ini merangkumi aspek keterlihatan dan penjenamaan antarabangsa, pembentukan pakatan strategik, pengambilan dan kesejahteraan pelajar antarabangsa, serta pelaksanaan program mobiliti global. Penerbitan ini turut menawarkan strategi praktikal bagi memastikan usaha pengantarabangsaan selari dengan matlamat institusi, sekali gus menyumbang kepada peningkatan prestasi dan kedudukan universiti di peringkat global. Buku ini menjadi rujukan penting dalam menyokong aspirasi AKEPT untuk memperkukuh penglibatan global dan kecemerlangan pendidikan tinggi negara.

Value-Based Leadership for Higher Education Institutions: Leave No Leaders Behind



Penulis:
Azman Mat Isa
Nordiana Mohd Nordin
Fadhilah Aman

Pelaporan:
Buku ini mengetengahkan pendekatan kepimpinan berasaskan nilai sebagai asas kepada tadbir urus dan pembangunan kepimpinan di Institusi Pengajian Tinggi. Penulisan ini menegaskan bahawa kepimpinan berkesan perlu dibina berteraskan prinsip moral dan nilai sejagat seperti etika, integriti, keadilan, pemerkasaan serta tanggungjawab sosial.

Penerbitan ini menghuraikan bagaimana kepimpinan berasaskan nilai membimbing pemimpin untuk membuat keputusan beretika, mengekalkan kompas moral serta memenuhi keperluan pihak berkepentingan dalaman dan luaran. Berbeza dengan amalan kepimpinan transaksi yang memusatkan kuasa, pendekatan ini menggalakkan pemerkasaan dan penglibatan menyeluruh dalam pembuatan keputusan organisasi. Buku ini menyokong agenda AKEPT dalam melahirkan pemimpin pendidikan tinggi yang berprinsip, inklusif dan berdaya tahan dalam mendepani cabaran kompleks.

Kepimpinan Institusi Pendidikan Tinggi di Malaysia – Menggapai ke Langit, Mengakar di Bumi

Penulis:
Mohd Izani Mohd Zain
Norzaini Azman

Pelaporan:
Penerbitan ini menganalisis landskap dan naratif baharu kepimpinan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia melalui perbincangan pelbagai dimensi, termasuk evolusi dasar pendidikan tinggi, epistemologi ilmu, falsafah dan governan, Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), pengantarabangsaan serta pemerkasaan mahasiswa.

Buku ini mensintesis tiga pegangan utama yang dicadangkan sebagai panduan kepada pemimpin pendidikan tinggi, iaitu keupayaan menoleh ke belakang untuk bergerak ke hadapan, pelaksanaan dasar dan tindakan secara bersepadu, serta amalan kepimpinan terpimpin. Penerbitan ini berperanan sebagai rujukan strategik kepada pemimpin IPT dan pihak berkepentingan yang mengikuti perkembangan kepimpinan pendidikan tinggi, sejajar dengan peranan AKEPT dalam membentuk kepimpinan berwawasan dan berakar pada realiti tempatan.

Harmony in Diversity: The Role of AKEPT in Fostering Cultural Intelligence for Effective Leadership in Malaysia's Higher Education Institutions (Akhbar)

Pengarang:
Faizah Idrus

Pelaporan:
Artikel ini menyoroti peranan strategik AKEPT dalam memupuk *Cultural Intelligence* (CQ) sebagai elemen penting kepimpinan berkesan dalam landskap pendidikan tinggi Malaysia yang berbilang budaya. Penulisan ini menegaskan bahawa keupayaan memahami, menyesuaikan dan mengurus kepelbagaian budaya merupakan kompetensi kritikal bagi pemimpin IPT dalam menggalakkan keharmonian organisasi serta keberkesanan kepimpinan.

Penerbitan ini memperkukuh kedudukan AKEPT sebagai peneraju pembangunan kepimpinan pendidikan tinggi yang inklusif dan responsif terhadap konteks sosiobudaya negara, di samping menyumbang kepada wacana awam mengenai kepimpinan berasaskan kefahaman budaya.

PENERBITAN 2025

TVET in the 21st Century: A Focus on Innovative Teaching and Competency Indicators



Penulis:
Shakir Saat
Muliati Sedek
Sani Irwan Salim
Ummu Atiyah Ahmad Zakuan

Pelaporan:
Buku ini merupakan penerokaan kritis terhadap peranan strategik Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dalam memenuhi keperluan industri abad ke-21 melalui pengajaran inovatif dan petunjuk kecekapan berorientasikan masa hadapan. Kandungan penerbitan ini dirumus berasaskan wacana daripada siri webinar kerjasama antara AKEPT, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Penulisan ini menekankan kepentingan penyelarasan dasar serantau, transformasi digital, kemampanan dan kesiapsiagaan tenaga kerja dalam usaha memposisikan Malaysia sebagai peneraju pembaharuan TVET di peringkat ASEAN menjelang 2025. Penerbitan ini menjadi seruan bertindak kepada penggubal dasar, pendidik dan pihak industri untuk merealisasikan potensi transformatif TVET secara kolektif, sejajar dengan aspirasi strategik AKEPT dan agenda pembangunan modal insan negara.

SHAPING MINDS, BUILDING LEADERS